

25 FEB 1996

Salleh-jawatan

SAYA AKAN BEKERJA SEPERTI BIASA, KATA SALLEH

KOTA BELUD, 25 Feb (Bernama) -- Ketua Menteri Sabah Datuk Salleh Said Keruak hari ini berkata beliau akan meneruskan tugasnya seperti biasa sehinggalah Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad membuat keputusan muktamad berhubung soal penggiliran jawatan Ketua Menteri negeri itu.

Beliau juga meminta semua anggota komponen Barisan Nasional (BN) negeri, yang telah memberi mandat kepada Perdana Menteri untuk memutuskan perkara itu, agar menerima dan akur terhadap pengumuman Perdana Menteri untuk melanjutkan tempoh jawatannya sehingga keputusan muktamad dibuat.

"Dengan pengumuman itu, saya akan bekerja seperti biasa sehinggalah Perdana Menteri meniuip wisel," katanya kepada pemberita selepas melancarkan Kempen Inflasi Sifar anjuran Parti Maju Sabah (SAPP) di sini.

Semalam, Dr Mahathir mengumumkan pelanjutan tempoh jawatan Ketua Menteri yang dipegang Salleh sehingga beliau (Dr Mahathir) membuat keputusan muktamad mengenainya.

Perdana Menteri berkata tempoh itu juga perlu bagi membolehkan tindakan tertentu diambil termasuk meminda perlembagaan negeri Sabah serta undang-undang negeri itu yang dijangka mengambil masa beberapa bulan.

Salleh, ketika ditanya berhubung pindaan perlembagaan berkenaan, berkata beliau akan bertemu Perdana Menteri untuk membincangkan dengan lebih lanjut.

Katanya Dr Mahathir sebelum ini pernah membincangkan perkara itu dengan beliau (Salleh), khususnya berhubung keperluan untuk mengkaji kuasa-kuasa Ketua Menteri Sabah yang dianggap berlebihan berbanding kuasa Ketua Menteri atau Menteri Besar di negeri-negeri lain.

Kepada satu soalan lain, Salleh berkata cadangan pindaan berkenaan tidak membabitkan soal hak-hak negeri Sabah tetapi lebih kepada soal kuasa mentadbir yang ada pada Ketua Menteri serta mempertingkatkan pengawasan terhadap penyelewengan dalam jentera pentadbiran kerajaan.

Beliau berkata pindaan itu juga akan memperkukuhkan lagi kabinet negeri dalam menunaikan tanggungjawab bersama untuk membangunkan negeri Sabah serta mempertingkatkan ketelusan dan memperkukuhkan semangat berpasukan di kalangan anggota kabinet negeri.

"Saya akan meminta Peguam Besar Negeri Datuk Stephen Foo untuk membuat laporan untuk dikaji," katanya.

Katanya sebaik sahaja BN mengambil alih pentadbiran kerajaan negeri, banyak dasar serta tatacara pentadbiran baru diperkenalkan bagi meningkatkan keberkesanan serta ketelusan pentadbiran kerajaan negeri.

"Bagaimanapun dasar baru itu hanyalah tatacara pentadbiran sahaja dan bukan satu undang-undang. Saya rasa Perdana Menteri mungkin mahu mengkaji bagaimana untuk menjadikan tatacara pentadbiran ini sebagai satu undang-undang," katanya.

Mengenai sama ada pindaan itu akan turut memasukkan peruntukan yang membolehkan seseorang pemimpin tidak mempunyai kerusi majoriti dalam Dewan Undangan Negeri dilantik sebagai Ketua Menteri, Salleh berkata, pindaan itu lebih kepada kuasa-kuasa yang ada pada Ketua Menteri.

Sementara itu, semasa bercakap kepada pemberita pada majlis yang sama, Timbalan Ketua Menteri Datuk Yong Teck Lee berkata cadangan menggilir jawatan Ketua Menteri tidak semestinya dilaksanakan pada 17 Mac, tarikh penggal perkhidmatan Salleh dijadual berakhir.

Yong, yang juga presiden SAPP, berkata para anggota komponen BN Sabah

secara umum bersetuju bahawa tarikh pelaksanaan itu adalah fleksibel.

"Tiada sesiapa yang menyebut bahawa pelaksanaan itu akan bermula pada 17 Mac tetapi disebabkan publisiti meluas media mengenai perkara itu, orang ramai menjangkakannya berkuatkuasa 17 Mac. Tetapi pada pandangan saya tarikh itu fleksibel dan saya tidak fikir ia menjadi satu masalah," katanya.

Yong, yang juga Menteri Kewangan negeri, dipercayai menjadi Ketua Menteri mengikut cadangan penggiliran itu antara tiga masyarakat utama di Sabah -- Bumiputera Muslim, Bumiputera bukan Muslim dan Cina.

Mengenai cadangan meminda perlembagaan dan undang-undang negeri bagi mengurangkan kuasa pentadbiran Ketua Menteri, Yong berkata perkara itu bukannya baru.

"Semasa kempen pilihan raya negeri 1994, ada dibangkitkan kebimbangan mengenai kuasa melampau yang ada pada Ketua Menteri," katanya.

Walaupun beliau tidak mengetahui butir-butir pindaan yang dicadangkan itu, katanya beliau yakin penduduk Sabah bersetuju dengan cadangan itu. -- Bernama.

JS LDB AHH